05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN HADIS DALAM PENDIDIKAN ISLAM DI SEKOLAH MENENGAH NEGERI PERAK

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

W AZIZI BIN ABDUL RAHMAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN HADIS DALAM PENDIDIKAN ISLAM DI SEKOLAH MENENGAH NEGERI PERAK

W AZIZI BIN ABDUL RAHMAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN ISLAM
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

**Sila tanda (√)**

| | |
|---|---|
| Kertas Projek | |
| Sarjana Penyelidikan | / |
| Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus | |
| PhD | |

## INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
## PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 15 (Hari bulan) Mac (bulan) 2020

**i. Perakuan Pelajar:**

Saya W Azizi bin Abdul Rahman (M20151000199) Fakulti Sains Kemanusiaan dengan ini mengaku bahawa disertasi/ tesis yang bertajuk Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Hadis dalam Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Negeri Perak adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

______________________

Tandatangan Pelajar

**ii. Perakuan Penyelia:**

Saya Dr. Norhisham bin Muhamad dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Hadis dalam Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Negeri Perak dihasilkan pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Usuluddin.

______________ ______________________

Tarikh Tandatangan Penyelia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /**
***INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES***

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK**
***DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM***

Tajuk / *Title*: PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN HADIS DALAM PENDIDIKAN ISLAM DI SEKOLAH MENENGAH NEGERI PERAK

No. Matrik /*Matric's No.*: M20151000199

Saya / *I* : W AZIZI BIN ABDUL RAHMAN

(Nama pelajar / *Student's Name*)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
   *The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*

2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
   *Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*

3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
   *The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*

4. Sila tandakan ( √ ) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick ( √ ) for category below:-*

| | | |
|---|---|---|
| ☐ | **SULIT/*CONFIDENTIAL*** | Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972* |
| ☐ | **TERHAD/*RESTRICTED*** | Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restircted information as specified by the organization where research was done* |
| √ | **TIDAK TERHAD /*OPEN ACCESS*** | |

------------------------------------------------ ------------------------------------------------------------------

(Tandatangan Pelajar/Signature) (Tandatangan Penyelia/Signature Of Supervisor)

Tarikh : & Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

*Notes: If the thesis is CONFIDENTAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



# PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji dan syukur bagi Allah SWT Tuhan sekelian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW penghulu segala Nabi dan rasul. Saya bersyukur ke hadrat Allah taala, kerana dengan taufiq dan inayah-Nya telah memberikan kekuatan kepada saya menyempurnakan tesis sarjana ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia tesis ini iaitu Dr. Norhisham bin Muhamad atas bimbingan dan dorongan serta teguran serta bantuan yang tidak berbelah bahagi dalam usaha menjayakan kajian ini. Sekalung budi buat Prof. Madya Dr. Misnan bin Jemali, tidak dilupakan juga kepada sekerja di Pejabat Pendidikan Daerah Perak Tengah, Kementerian Pendidikan Malaysia, Sektor Pendidikan Islam Negeri Perak. Setulus ikhlas tidak dilupakan kepada semua Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan di negeri Perak kerana telah memberi kerjasama yang baik membenarkan guru Pendidikan Islam dan pelajar yang menjadi responden kajian ini. Sekalung penghargaan juga tidak dilupakan kepada semua guru Pendidikan Islam yang terlibat dalam kajian ini. Hanya Allah SWT sahaja yang membalas budi baik kalian.

Buat bonda yang sentiasa mendoakan kejayaan anaknya dalam menempuh cabaran menimba ilmu pengetahuan. Buat ayahanda yang telah kembali ke rahmatullah semoga Allah mencucuri rahmat ke atas roh ayahanda. Sekalung penghargaan yang teristimewa buat isteri yang tercinta Pn. Khairul Huda binti Mohd Saleh yang memberi sokongan yang tidak pernah jemu. Buat anak-anak yang tersayang Ahmad Wafiq Zaiyadi dan Wafa Adnin yang menjadi penyejuk mata yang akan meneruskan perjuangan ini. Semoga kejayaan ini akan menjadi kesinambungan kejayaan kalian nanti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


# ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran hadis dalam Pendidikan Islam sekolah menengah di negeri Perak. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan. Sampel kajian terdiri daripada 269 orang guru dan 827 orang murid yang telah dipilih secara rawak bersrata daripada 806 orang guru Pendidikan Islam tingkatan 4 dan 9975 orang murid Islam tingkatan empat sekolah menengah harian di negeri Perak. Instrumen kajian yang digunakan ialah set soal selidik untuk guru dan murid yang telah disahkan oleh tujuh orang pakar. Kebolehpercayaan instrumen soal selidik adalah tinggi berdasarkan pekali Alpha Cronbach bagi soal selidik guru (>0.843) dan soal selidik murid (>0.807). Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif kekerapan, peratusan min, sisihan piawai dan inferens ujian –t, ANOVA dan kolerasi. Statistik deskriptif untuk aspek pelaksanaan dan penilaian pengajaran. Statistik inferensi pula digunakan untuk melihat perbezaan berdasarkan faktor-faktor demografi jantina, kelulusan akademik, lokasi dan pengalaman mengajar. Dapatan kajian pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran hadis dalam Pendidikan Islam (sukatan pelajaran, peruntukan masa, dan bahan bantu mengajar) menurut persepsi guru berada pada tahap sederhana tinggi (min=3.87, s.p=0.13)manakala menurut persepsi murid pada tahap sederhana tinggi (min=3.88, sp=0.16). Dapatan kaedah pengajaran guru (*kitabah, qiraah, sama'* dan perbincangan) menurut persepsi guru berada pada tahap tinggi (min=4.66, s.p=0.20), manakala menurut persepsi murid (min=4.62, s.p=0.16). Pencapaian murid dalam pembelajaran hadis menurut persepsi guru pada interpretasi tinggi dengan skor (min=4.26, s.p=0.56). Analisis inferens pula menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran hadis dalam Pendidikan Islam berdasarkan faktor demografi. Analisis korelasi digunakan untuk melihat hubungan antara pengajaran guru dengan pencapaian murid berdasarkan persepsi guru menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pengajaran guru dengan pencapaian murid (r=0.845, p<0.01). Kesimpulannya, pengajaran dan pembelajaran dapat diterima dengan baik manakala murid dapat menguasai sukatan pelajaran yang ditentukan. Implikasi daripada kajian ini Bahagian Pembangunan Kurikulum perlu menambah kandungan sukatan bagi mempertingkatkan amalam pelajar dalam kehidupan seharian berpandukan pengajaran hadis yang telah dipelajari.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



# IMPLEMENTATION OF TEACHING AND LEARNING OF HADITH IN ISLAMIC EDUCATION IN PERAK SECONDARY SCHOOL

## ABSTRACT

This study aims to identify the implementation of teaching and learning hadith in secondary school Islamic education in Perak. This study uses survey methods. The study sample consisted of 269 teachers and 827 pupils who were randomly selected in 806 form 4 and 9975 form 4 Islamic Education teachers in Perak. The study instrument used was a set of questionnaires for teachers and pupils who were certified by seven experts. The reliability of the questionnaire instruments is high based on the Alpha Cronbach coefficient for teacher questionnaires (>0.843) and pupil questionnaires (>0.807). Data was analyzed using frequency descriptive statistics, mean percentage, standard deviation and test inference –t, ANOVA and correlation. Descriptive statistics for the implementation and evaluation of teaching. Inference statistics are used to see differences based on gender demographic factors, academic approval, location and teaching experience. The findings of the implementation of teaching and learning hadith in Islamic education (syllabus, time allocation, and teaching aid material) according to the perception of teachers were at moderate high levels (mean=3.87, s.p=0.13)while according to the perception of pupils at moderate high levels (mean=3.88, sp=0.16). The findings of teacher teaching methods *(webah, qiraah, equals' and* discussions) according to teacher perceptions are at a high level (mean=4.66, s.p=0.20), while according to the pupil's perception (mean=4.62, s.p=0.16). Students' achievements in hadith learning according to the teacher's perception of high interpretation with scores (mean=4.26, s.p=0.56). The Inference analysis, on the other hand, shows that there are no significant differences in the implementation of teaching and learning hadith in Islamic Education based on demographic factors. Correlational analysis is used to see the relationship between teacher teaching and student achievement based on teacher perception indicates that there is a significant relationship between teacher teaching and student achievement (r=0.845, p&0.01). In conclusion, teaching and learning are well received while pupils can master the specified syllabus. The implications of this study, the Curriculum Development Division needs to increase the content of the syllabus to enhance the students' practices in everyday life based on the teaching of hadith that has been learned.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## KANDUNGAN


| | | Muka Surat |
|---|---|---|
| **PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN** | | ii |
| **PENGHARGAAN** | | iii |
| **ABSTRAK** | | iv |
| **ABSTRACT** | | v |
| **KANDUNGAN** | | vi |
| **SENARAI JADUAL** | | xiii |
| **SENARAI RAJAH** | | xv |
| **SENARAI SINGKATAN** | | xvi |
| **SENARAI LAMPIRAN** | | xvii |
| **BAB 1** | **PENGENALAN** | |
| | 1.1 Pendahuluan | 1 |
| | 1.2 Latar Belakang Kajian | 5 |
| | 1.3 Penyataan Masalah | 8 |
| | 1.4 Objektif Kajian | 15 |
| | 1.5 Persoalan Kajian | 16 |
| | 1.6 Hipotesis Kajian | 17 |
| | 1.7 Kerangka Teori Kajian | 18 |
| | 1.8 Kerangka Konsep Kajian | 22 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


1.9 Kepentingan Kajian 25
1.10 Batasan Kajian 26
1.11 Definisi Operasional Kajian 27
1.11.1 Pelaksanaan 27
1.11.2 Pengajaran dan Pembelajaran 28
1.11.3 Hadis 28
1.11.4 Pendidikan Islam 29
1.12 Rumusan 32

**BAB 2 TINJAUAN LITERATUR**

2.1 Pengenalan 34
2.2 Sejarah Pengajaran Hadis 35
2.2.1 Zaman Rasulullah S.A.W 35
2.2.2 Zaman Sahabat 37
2.2.3 Zaman Tabiin 40
2.3 Perkembangan Pengajian Hadis di Malaysia 40
2.4 Pengajaran Hadis dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan 42
2.4.1 Sekolah Rendah 42
2.4.2 Sekolah Menengah 42
2.4.2.1 Ikhlas dalam Kehidupan 43
2.4.2.2 Jihad dalam Islam 44
2.4.2.3 Tanggungjawab Setiap Mukmin 44
2.4.2.4 Konsep Sedekah 45

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


2.4.2.5 Amalan Kebajikan Mukmin 45

2.4.2.6 Hindari Sifat Negatif 46

2.4.2.7 Hindari Makanan Haram 46

2.4.2.8 Persaudaraan dalam Islam 47

2.4.2.9 Menghargai Kehidupan 47

2.4.2.10Peribadi Orang Beriman 48

2.5 Kaedah Pengajaran Hadis 50

2.5.1 Kaedah *Kitabah* 51

2.5.2 Kaedah *Qiraah* 53

2.5.3 Kaedah *Sama'* 54

2.5.4 Kaedah Perbincangan 54

2.6 Kajian-Kajian Lepas 55

2.7 Rumusan 59

**BAB 3 METODOLOGI**

3.1 Pengenalan 60

3.2 Reka Bentuk Kajian 61

3.3 Lokasi Kajian 62

3.4 Populasi Kajian 63

3.5 Sampel dan Kaedah Pensampelan 64

3.6 Tatacara Kajian 67

3.7 Instrumen Kajian 69

3.7.1 Soal Selidik 69

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



3.7.1.1 Kumpulan 1 (Guru) 70

a. Demografi 70

b. Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Hadis 71

c. Kaedah Pengajaran Guru 71

3.7.1.2 Kumpulan 2 (Pelajar) 72

a. Demografi 72

b. Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Hadis 73

c. Kaedah Pengajaran Guru 73

3.8 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen 74

3.8.1 Kesahan Kandungan dan Kesahan Muka 74

3.8.2 Kajian Rintis 76

3.8.3 Kebolehpercayaan Instrumen 78

3.9 Prosedur Kajian 80

3.9.1 Tatacara Pemerolehan Data 80

3.9.2 Kaedah Analisis Data 81

3.9.2.1 Analisis Data secara Deskriptif 81

3.9.2.2 Analisis Data secara Inferens 82

a. Analisis Ujian Perbezaan 83

b. Analisis Korelasi 84

3.10 Rumusan 85


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pengenalan 86

4.2 Latar Belakang Sampel Kajian 87

4.2.1 Soal Selidik Guru 87

4.3 Analisis Data secara Deskriptif bagi Soal Selidik Guru 89

4.3.1 Pelaksanaan Kurikulum 90

4.3.1.1 Sukatan 90

4.3.1.2 Peruntukan Masa 94

4.3.1.3 Bahan Bantu Mengajar 96

4.3.2 Kaedah Pengajaran Guru 101

4.3.2.1 Kaedah *Kitabah* 101

4.3.2.2 Kaedah *Qiraah* 105

4.3.2.3 Kaedah *Sama'* 107

4.3.2.4 Kaedah Perbincangan 110

4.2.2 Soal Selidik Pelajar 114

4.4 Analisis Data secara Deskriptif bagi Soal Selidik Pelajar 115

4.4.1 Peruntukan Masa 115

4.4.2 Bahan Bantu Mengajar 118

4.4.3 Kaedah Pengajaran Guru 120

4.4.3.1 Kaedah *Kitabah* 120

4.4.3.2 Kaedah *Qiraah* 122

4.4.3.3 Kaedah *Sama'* 124

4.4.3.4 Kaedah Perbincangan 127

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



4.4.4 Ujian Pelajar 130

4.5 Analisis Perbezaan 131

4.5.1 Perbezaan Min Skor Kaedah Pengajaran Guru Berdasarkan Jantina 131

4.5.2 Perbezaan Min Skor Kaedah Pengajaran Guru Berdasarkan Lokasi 132

4.5.3 Perbezaan Min Skor Kaedah Pengajaran Guru Berdasarkan Pengalaman Mengajar 133

4.5.4 Perbezaan Min Skor Kaedah Pengajaran Guru Berdasarkan Kelulusan Akademik 134

4.6 Analisis Korelasi 135

4.6.1 Hubungan antara Kaedah Pengajaran Guru dengan Pencapaian Pelajar 135

4.7 Rumusan 137

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN KAJIAN DAN CADANGAN**

5.1 Pengenalan 138

5.2 Ringkasan Kajian 139

5.3 Perbincangan Dapatan Kajian 141

5.3.1 Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran 142

5.3.1.1 Sukatan 142

5.3.1.2 Peruntukan 142

5.3.1.3 Bahan Bantu Mengajar 143

5.3.1.4 Kaedah Pengajaran 146

5.4 Rumusan Kajian 147

5.4.1 Rumusan Faktor Demografi 147


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



5.4.2 Rumusan Pelaksanaan Kurikulum 148

5.4.3 Rumusan Kaedah Pengajaran 149

5.4.4 Rumusan Pencapaian Pelajar 150

5.5 Implikasi Kajian 151

5.6 Cadangan 153

5.6.1 Cadangan kepada KPM 154

5.6.2 Cadangan kepada Pelaksana Kurikulum Hadis 156

5.6.3 Cadangan Kajian Lanjutan 157

5.7 Rumusan 158

**RUJUKAN** 160

**LAMPIRAN** 168

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## SENARAI JADUAL


| No. Jadual | | Muka Surat |
|---|---|---|
| 1.1 | Sukatan Pelajaran untuk Pembelajaran di Sekolah Menengah | 6 |
| 3.1 | Skala Pemarkahan Ujian | 73 |
| 3.2 | Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan | 79 |
| 3.3 | Nilai *Cronbach's Alpha* Soal Selidik Guru dan Pelajar | 79 |
| 3.4 | Interpretasi Min Skor | 82 |
| 3.5 | Nilai Pekali Korelasi | 84 |
| 4.1 | Responden Mengikut Jantina Guru | 87 |
| 4.2 | Responden Mengikut Lokasi Sekolah | 88 |
| 4.3 | Responden Mengikut Kelulusan Akademik | 88 |
| 4.4 | Responden Mengikut Pengalaman Mengajar | 89 |
| 4.5 | Taburan Peratus, Min dan Sisihan Piawai tentang Kurikulum | 92 |
| 4.6 | Taburan Peratus, Min dan Sisihan Piawai tentang Peruntukan Masa | 95 |
| 4.7 | Taburan Peratus, Min dan Sisihan Piawai tentang Bahan Bantu Mengajar | 98 |
| 4.8 | Taburan Peratus, Min dan Sisihan Piawai tentang Kaedah *Kitabah* | 103 |
| 4.9 | Taburan Peratus, Min dan Sisihan Piawai tentang Kaedah *Qiraah* | 106 |
| 4.10 | Taburan Peratus, Min dan Sisihan Piawai tentang Kaedah *Sama'* | 109 |
| 4.11 | Taburan Peratus, Min dan Sisihan Piawai tentang Kaedah Perbincangan | 112 |
| 4.12 | Responden Mengikut Jantina Pelajar | 114 |
| 4.13 | Responden Mengikut Lokasi Sekolah | 115 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




| | | |
|---|---|---|
| 4.14 | Taburan Peratus, Min dan Sisihan Piawai tentang Peruntukan Masa | 117 |
| 4.15 | Taburan Peratus, Min dan Sisihan Piawai tentang Bahan Bantu Mengajar | 119 |
| 4.16 | Taburan Peratus, Min dan Sisihan Piawai tentang Kaedah *Kitabah* | 121 |
| 4.17 | Taburan Peratus, Min dan Sisihan Piawai tentang Kaedah *Qiraah* | 123 |
| 4.18 | Taburan Peratus, Min dan Sisihan Piawai tentang Kaedah *Sama'* | 125 |
| 4.19 | Taburan Peratus, Min dan Sisihan Piawai tentang Kaedah Perbincangan | 128 |
| 4.20 | Pencapaian Pelajar | 130 |
| 4.21 | Analisis Ujian – t Kaedah Pengajaran Guru Berdasarkan Jantina | 132 |
| 4.22 | Analisis Ujian – t Kaedah Pengajaran Guru Berdasarkan Pengalaman Mengajar | 133 |
| 4.23 | ANOVA Kaedah Pengajaran Guru Berdasarkan Pengalaman Mengajar | 134 |
| 4.24 | ANOVA Kaedah Pengajaran Guru Berdasarkan Kelulusan Akademik | 135 |
| 4.25 | Analisis Korelasi antara Kaedah Pengajaran Guru dengan Pencapaian Pelajar | 136 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## SENARAI RAJAH

**No. Rajah** **Muka Surat**


1.1 Kerangka Teori Kajian 21

1.2 Kerangka Konsep Kajian 24

3.1 Pemilihan Sampel Guru Pendidikan Islam 65

3.2 Pemilihan Sampel Pelajar Tingkatan Empat 66


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


# SENARAI SINGKATAN

| | |
|---|---|
| ANOVA | *Analysis of Variance* |
| DSK | Dokumen Standard Kurikulum |
| EPRD | *Education Planning and Research Division* |
| JPN | Jabatan Pendidikan Negeri |
| KPM | Kementerian Pendidikan Malaysia |
| KBSM | Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah |
| KSSM | Kurikulum Standard Sekolah Menengah |
| KSSR | Kurikulum Standard Sekolah Rendah |
| PdP | Pengajaran dan Pembelajaran |
| SAW | *Sallallahu ʻAlaihi Wasallam* |
| SPSS | *Statistical Package for Social Science* |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## SENARAI LAMPIRAN


| | |
|---|---|
| A | Soal Selidik Pelajar |
| B | Ujian Pencapaian |
| C | Skema Pemarkahan Ujian Pencapaian |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# BAB 1

# PENGENALAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.1 Pendahuluan

Pendidikan merupakan satu aspek yang penting dalam kehidupan setiap individu. Pendidikan bermula sejak seorang itu dilahirkan sehinggalah kita menemui ajalnya. Pendidikan Islam merupakan, kemahiran dalam menghayati Islam, membentuk keperibadian serta membina jati diri kearah mencapai kejayaan di dunia dan di akhirat. Ianya adalah usaha yang berterusan dan memerlukan istiqamah dalam memupuk potensi individu yang positif menurut al-Quran dan al-Sunnah dalam melahirkan generasi yang beriman dan bertaqwa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Pembelajaran ilmu hadis salah satu aspek penting dalam pendidikan setiap umat Islam. Hal ini kerana hadis adalah salah satu sumber terpenting dalam kehidupan umat Islam selepas al-Quran. Kedudukan hadis sebagai sumber kedua selepas al-Quran telah mendorong ianya terus dipelajari. Hadis juga merupakan amali yang telah dijelaskan di dalam al-Quran. Kadangkala ianya mentafsirkan ayat, menjelaskan kekeliruan, memperincikan hukum-hakam yang tidak dijelaskan di dalam mana-mana ruangan kecuali hadis. Justeru itu para ulama telah bertungkus-lumus untuk memelihara hadis Nabi s.a.w daripada sebarang bentuk penyelewengan dan terus luput dalam kalangan umat Islam. Abdul Hayei bin Abdul Sukor (2006).

Jaminan dari Allah dan rasulnya, bahawa manusia tidak akan sesat selama mengikuti petunjuk Allah SWT dalam Surah al-Thaha: 123-124;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

فَإِمَّا يَأۡتِيَنَّكُم مِّنِّي هُدٗى فَمَنِ ٱتَّبَعَ هُدَايَ فَلَا يَضِلُّ وَلَا يَشۡقَىٰ وَمَنۡ أَعۡرَضَ عَن ذِكۡرِي فَإِنَّ لَهُۥ مَعِيشَةٗ ضَنكٗا وَنَحۡشُرُهُۥ يَوۡمَ ٱلۡقِيَٰمَةِ أَعۡمَىٰ

Maksudnya: Maka jika datang kepadamu petunjuk dari-Ku, lalu barangsiapa yang mengikuti petunjuk-Ku, ia tidak akan sesat dan ia tidak akan celaka. Dan barangsiapa yang berpaling dari peringatan-Ku, maka sesungguhnya baginya penghidupan yang sempit, dan Kami akan menghimpunkannya pada hari Kiamat dalam keadaan buta.

(Abdullah Basmeh, 2001)

Dalam menjelaskan kedua-dua ayat ini, Abdullah bin Abbas berkata, “Allah menjamin kepada siapa yang membaca al-quran dan mengikuti apa-apa yang ada di dalamnya bahawa dia tidak akan sesat di dunia dan tidak akan celaka di akhirat” Tafsir al-Tabari 16/225.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Terdapat hadis yang menegaskan bahawa kedudukan hadis amat penting selepas al-Quran. Kadang kala di dalam al-Quran terdapat banyak ayat yang tidak dapat dijelaskan sehingga yang mampu menjelaskan ayat tersebut adalah rasul sendiri sebagaimana sabda Nabi Muhammad SAW:

تركت فيكم أمرين  لن تضلوا ما تمسكتم بهما : كتاب الله وسنة رسول صلى الله عليه وسلم

Maksudnya: Telah aku tinggalkan kepada kamu dua perkara selagi mana kamu berpegang dengannya maka selagi itulah kamu tidak sesat iaitu Kitab Allah (al-Quran) dan Sunnah (Hadis) Rasul SAW.

(Imam Bukhari,6851, 2002)

Allah juga memerintahkan agar segala perkara yang diperselisihkan oleh manusia dari perkara-perkara dasar agama ataupun cabang-cabangnya hendaklah kembali kepada al-Quran dan Sunnah rasulnya, sebagaimana firman Allah SWT dalam surah an Nisa’: 59;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

فَإِن تَنَٰزَعۡتُمۡ فِي شَيۡءٖ فَرُدُّوهُ إِلَى ٱللَّهِ وَٱلرَّسُولِ إِن كُنتُمۡ تُؤۡمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلۡيَوۡمِ ٱلۡأٓخِرِۚ ذَٰلِكَ خَيۡرٞ وَأَحۡسَنُ تَأۡوِيلًا

Maksudnya: Maka jika kamu berbantah2 dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada kitab Allah (al-Quran) dan sunnah Rasul, jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat, Yang demikian adalah lebih baik bagi kamu dan lebih elok pula kesudahannya.

(Abdullah Basmeh, 2001)

Hadis adalah sumber yang paling ramai manusia mahu selewengkan. Sama ada seleweng atas kepentingan individu, politik dan kemazhaban, dan perkara ini amat meruncing dewasa ini yang dimana sumber ini amatlah mustahak dijaga dengan teliti. Sabda nabi Muhammad SAW;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: مَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّدًا فَلْيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّار

Maksudnya: Sesiapa yang berdusta atas namaku, maka siap-siaplah tempatnya didalam neraka.

(Imam Bukhari,107, 2002)

Kedudukan hadis dalam Islam adalah sesuatu yang tidak dapat diragukan kerana terdapat penegasan yang banyak dalam al-Quran tentang hadis. Di dalam Al-Quran juga disebutkan dengan ketaatan terhadap Rasulullah s.a.w yang disebutkan bersama dengan ketaatan kepada Allah, surah an-Nur 24: 51;

إِنَّمَا كَانَ قَوْلَ ٱلْمُؤْمِنِينَ إِذَا دُعُوٓاْ إِلَى ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ أَن يَقُولُواْ سَمِعْنَا وَأَطَعْنَاۚ وَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ٥١ [ النّور:51-51]

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Maksudnya: Sesungguhnya perkataan yang diucapkan oleh orang-orang yang beriman ketika mereka diajak kepada Kitab Allah dan Sunnah RasulNya supaya menjadi hakim memutuskan sesuatu diantara mereka, hanyalah mereka berkata: “Kami dengar dan Kami taat”: dan mereka itulah orang-orang yang beroleh kejayaan.

(Abdullah Basmeh, 2001)

Dalil di atas menunjukkan bahawa setiap muslim wajib untuk berpegang kepada hadis. Seseorang itu tidak boleh untuk meninggalkan salah satu daripadanya dalam menentukan hukum, ini membuktikan hadis ini adalah sangat penting selepas al-Quran.

Oleh yang demikian, penyelidikan mengenai pengajian ilmu hadis yang dilakukan di institusi-institusi tertentu yang mempunyai kepakaran di dalam pengajian hadis perlu diketengahkan untuk tatapan masyarakat umum.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan Islam ialah pendidikan yang menumpukan kepada segala aspek kehidupan manusia termasuk pendidikan hati, akal, rohani, jasmani dan perilaku (Al-Qaradhawi, 1980). Pelaksanaan Pendidikan Islam di Malaysia, ianya telah bermula sejak terdirinya kerajaan Melayu Melaka pada awal abad ke-15 Masihi (Ghazali, 2004). Ianya telah mengalami pelbagai peringkat penyaringan dan pengubahsuaian agar lebih efektif dan sistematik.

Pendidikan hadis terdapat di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Pendidikan hadis memiliki fungsi utama sebagai menegaskan, memperjelaskan dan menguatkan hukum-hukum dan hal lain yang ada dalam al-Quran. Para ulamak sepakat setiap umat Islam diwajibkan untuk mengikuti perintah yang ada hadis-hadis sahih dengan berpegang teguh kepada al-Quran dan hadis nescaya hidup dijamin tidak akan tersesat.

Pendidikan hadis adalah amat penting untuk dipelajari kerana hadis adalah sumber perundangan Islam, hadis juga adalah penerangan kepada al-Quran, mengelakkan pendustaan dan hadis diperlukan dalam semua cabang ilmu. Menurut Al-Nawawi (1984) mempercayai bahawa kesemua hadis-hadis tersebut amat penting untuk dihayati oleh manusia sebagaimana beliau telah menyatakan dalam penutup muqaddimahnya "Maka seharusnyalah bagi setiap orang yang mengharapkan kesenangan akhirat untuk mengenal hadis-hadis ini kerana semuanya mencakupi hal-hal yang sangat penting dan memberi penekanan kepada ketaatan yang maksimum. Oleh yang demikian hadis merupakan kaedah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


yang besar dalam kaedah-kaedah Islam dan bagi seseorang yang ingin berjaya menuju ke akhirat.

Mata pelajaran Pendidikan Islam di dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah mempunyai dua komponen besar iaitu al-Quran dan Hadis. Pelajar beragama Islam wajib mempelajari mata pelajaran ini dari tingkatan satu sehingga tingkatan lima. Mengikut sukatan pelajaran Pendidikan Islam KBSM (2002), pembelajaran hadis bermula dari tingkatan satu sehingga tingkatan lima dan ia adalah sebahagian daripada bidang Tilawah al-Quran dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Objektifnya ialah untuk memahami pengertian, hikmah ayat-ayat tertentu daripada hadis pilihan dan memahami serta menghayati pengajaran al-Quran dan hadis sebagai sumber hukum. Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah ditunjukkan dalam Jadual 1.1.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.1

*Sukatan Pelajaran untuk Pembelajaran di Sekolah Menengah*

| **Tajuk** | **Tingkatan** |
|---|---|
| Ikhlas dalam Kehidupan | Satu |
| Jihad dalam Islam | Satu |
| Tanggungjawab Setiap Mukmin | Dua |
| Konsep Sedekah | Dua |
| Amalan Kebajikan Mukmin | Tiga |
| Hindari Sifat Negatif | Tiga |
| Hindarkan Makanan Haram | Empat |
| Persaudaraan dalam Islam | Empat |
| Menghargai Kehidupan | Lima |
| Peribadi Orang Beriman | Lima |

Sumber: Dokumen Standard Kurikulum Pendidikan Islam (KSSM 2016) Tingkatan 1,2,3,4 dan 5 (KBSM), Kementerian Pelajaran Malaysia (2002)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kesimpulannya, pengajaran dan pembelajaran hadis amat penting kepada pelajar dalam membentuk jati diri dan individu Muslim yang sebenar. Guru memainkan peranan yang penting dalam menentukan pengajaran yang dilaksanakannya adalah berkesan seperti yang terdapat dalam Falsafah Pendidikan Islam;

Pendidikan Islam adalah satu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangunkan diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat.

(Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012)

Seiring dengan falsafah Pendidikan Islam ‘Suatu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan as-sunnah bagi menjadi hamba Allah yang bertanggungjawab untuk kebaikan dunia dan akhirat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendidikan hadis adalah sangat penting dalam menjelaskan firman-firman Allah SWT di dalam al-Quran dengan lebih terperinci agar hidup kita dijamin tidak akan tersesat. Sebagaimana sabda Nabi Muhammad SAW:

تَرَكْتُ فِيْكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوْا مَا تَمَسَّكْتُمْ بِهِمَا : كِتَابَ اللهِ وَ سُنَّةَ رَسُوْلِهِ

Maksudnya: Aku telah tinggalkan pada kamu dua perkara. Kamu tidak akan sesat selama berpegang kepada keduanya, (iaitu) Kitab Allah dan Sunnah Rasul-Nya.

Imam Malik, Muwatta’ (1661) (2014)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 1.3 Penyataan Masalah

Tujuan Pendidikan Islam menurut Kongres Pendidikan Islam sedunia di Islamabad pada tahun 1980, bahawa pendidikan harus merealisasikan cita-cita islami yang mencakupi pengembangan keperibadian muslim yang bersifat menyeluruh secara harmonis berdasarkan potensi psikologi dan jasmani. Manusia terdidik kepada keimanan dan ilmu pengetahuan secara seimbang sehingga terbentuklah Muslim yang berserah kepada Allah SWT sebagaimana yang terdapat dari firman Allah al-An’am 162;

قُلۡ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحۡيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ١٦٢ [ الأنعام:162-162]

Maksudnya: Katakanlah, sesungguhnya solat ku, ibadahku, hidup dan matiku hanyalah untuk Allah, Tuhan semesta alam.

(Abdullah Basmeh, 2001)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) telah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bermula dengan Tingkatan 1 pada tahun 1989. Semakan kurikulum Pendidikan Islam dilaksanakan dari masa kesemasa adalah demi memperkasakan sistem pendidikan negara.

Oleh yang demikian sehingga kini terdapat kelemahan dari sudut pelaksanaannya. Masalah yang ada mendorong pengkaji membuat kajian pelaksanaan kurikulum hadis dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah negeri Perak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Pernyataan masalah dalam kajian ini dibahagikan kepada beberapa aspek iaitu aspek yang melibatkan kurikulum, peruntukan masa, bahan pengajaran dan kaedah pengajaran guru.

Masalah yang dapat diperhatikan dalam kurikulum ini adalah pelaksanaan kurikulum hadis dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Menengah. Menurut Abdullah Nasih Ulwan (1988), dalam mendidik anak-anak beliau meletakkan pendidikan keimanan berada di fasa yang pertama. Sebagaimana firman Allah SWT surah al-Taha;

[ وَأۡمُرۡ أَهۡلَكَ بِٱلصَّلَوٰةِ وَٱصۡطَبِرۡ عَلَيۡهَاۖ لَا نَسۡـَٔلُكَ رِزۡقٗاۖ نَّحۡنُ نَرۡزُقُكَۗ وَٱلۡعَٰقِبَةُ لِلتَّقۡوَىٰ ١٣٢ ١٣٣ [طه:132-133]

Maksudnya: Dan hendaklah engkau menyuruh keluargamu mengerjakan sembahyang dan bersabarlah terhadap perintah itu.

(Abdullah Basmeh, 2001)

Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam dirangka untuk mencapai tujuan tersebut. Walaupun struktur sukatan pelajaran ini merangkumi pelbagai aspek iaitu ulum, jawi, al-quran dan hadis yang perlu diajar oleh guru Pendidikan Islam namun adakah kurikulum yang sedia ada bersesuaian dengan tahap pelajar menengah, peruntukan masa, bahan pengajaran, serta kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh guru. Pendekatan yang digunakan oleh guru memainkan peranan yang besar untuk memenuhi sukatan pelajaran yang dirangka oleh kementerian pelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Permasalahan juga dapat diperhatikan dalam pengajaran hadis adalah peruntukan masa pengajaran hadis dilihat agak sedikit. Ini berdasarkan peruntukkan masa yang sangat minimum dalam bidang hadis dan ianya sekadar sisipan daripada proses pengajaran dan pembelajaran Tilawah al-Quran. Didapati juga sukatan yang sangat sedikit iaitu dua hadis bagi setiap tahun.

Menurut Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 9 (2016) peruntukan masa KBSM menengah rendah tingkatan 2 dan 3 bagi mata pelajaran Pendidikan Islam 240 minit seminggu dan minima 128 jam setahun, manakala bagi menengah atas tingkatan 4 dan 5 pula 160 minit seminggu dan minima 86jam setahun. Bagi semakan baru KSSM bagi tingkatan 1 sesi persekolahan tahun 2017 masa minima bagi matapelajaran Pendidikan Islam 128 jam setahun. Dalam tempoh keseluruhan jam tersebut akan dibahagikan dalam beberapa bidang iaitu tilawah, hadis, aqidah, ibadah, tamadun dan adab.

Jika dilihat dengan peruntukan masa yang telah ditetapkan berbeza sama sekali pendekatan yang dibawa oleh Imam Bukhari, beliau menghabiskan masa selama 16 tahun untuk mengunjungi pelbagai negara dan bertemu ramai ulamak hadis bagi mengumpul dan memilih hadis sahih. Abdussatar Assyeikh (2011). Ini menunjukkan dalam pengajaran dan pembelajaran hadis kita memerlukan masa, kesabaran dan istiqamah agar kita dapat menguasai ilmu tersebut secara menyeluruh.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Mengikut sejarah pembelajaran Imam Bukhari mengambil masa yang lama ia turut ditekankan oleh Ibnu Sahnun, seorang pendidik hendaklah menyediakan waktu kepada pelajar ketika mengajar, menyediakan waktu khusus kerana pelajar bebas mengungkapkan pendapat serta pendidik perlu meluangkan sedikit masa ianya adalah bertujuan dapat membantu memantapkan lagi penguasaan pelajar pada matapelajaran yang diajar. Dr. Gamal Abdul Nasir Zakaria (2014)

Menurut Suhaimi (2006) kajian di Sekolah Menengah Agama Izzuddin Shah, Ipoh Perak mendapati bahawa 57% daripada kalangan guru yang mengajar hadis merasakan bahawa masa yang diperuntukkan untuk mengajar hadis adalah tidak memadai. Ianya dpersetujui oleh Januri (2000) hasil analisis daripada kajian beliau juga mendapati separuh daripada pelajar yang menjawab soal selidik iaitu 120 daripada 240 orang pelajar menyatakan tidak bersetuju bahawa masa yang telah diperuntukkan adalah mencukupi. Dapatan ini juga dipersetujui oleh Maulana Muhammad Ilyas bin Temrin dan Mohd Akil Muhamed Ali (2017).

Permasalahan juga dapat dilihat kaedah pengajaran guru. Pengajaran tidak akan berkesan tanpa adanya kaedah yang sesuai dan menarik minat pelajar. Kesesuaian kaedah tersebut perlu diteliti supaya tidak membebankan guru dan tidak pula membosankan pelajar. Oleh itu salah satu permasalahan kajian ini ialah untuk melihat kaedah pengajaran yang dilaksanakan. Menurut Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/2003, (28 Julai 2003) Pengajaran dan pembelajaran perlu ditingkatkan supaya menjadi lebih berkesan bagi memenuhi kehendak negara, Kurikulum semakan ini memberi penekanan kepada kandungan teks

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kurikulum dan kaedah penyampaian yang lebih efektif. Dengan penyelesaian masalah ini nanti mungkin akan memantapkan pengajaran guru Pendidikan Islam.

Selain itu, menurut kajian yang dilakukan oleh Ab. Halim Tamuri et. Al (2004) mendapati bahawa kaedah pengajaran yang kerap digunakan oleh guru Pendidikan Islam ialah kaedah kuliah dan penerangan. Ianya dipersetujui oleh Hatifah (2000) guru kerap menggunakan kaedah kuliah / syarahan dengan menggunakan buku teks ini menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam kurang mempelbagaikan kaedah pengajaran. Menurut Allen (1992) kaedah dan teknik pengajaran yang baik boleh menyumbangkan kepada mutu pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

Menurut kajian Zakaria (2011) Mendapati guru-guru Pendidikan Islam dapat melaksanakan pendekatan berpusatkan pelajar semasa pengajaran mereka tetapi tahapnya masih perlu diperbaiki lagi. Antara isu yang dikenalpasti dalam kajian ini ialah kurangnya latihan-latihan yang berkaitan dengan pedagogi terkini diberikan kepada guru-guru Pendidikan Islam di sekolah-sekolah menengah kebangsaan. Muhamad Faiz (2012) Metod dan pendekatan yang digunakan perlu dipelbagaikan bagi memaksimum keberkesanannya.

Ahmad Yunus Ab. Halim (2010) menjelaskan bahawa pengetahuan pedagogi serta kandungan menekankan keupayaan guru mengolah kefahaman pengetahuan kandungan yang disampaikan kepada pelajar, keupayaan guru mempelbagaikan kaedah pengajaran yang sesuai agar mudah difahami pelajar dan kefahaman guru terhadap ciri-ciri dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kebolehan pelajar. Berdasarkan kaedah-kaedah yang digunakan pengkaji ingin melihat sejauh mana keberkesanan kaedah yang guru gunakan dengan pencapaian pelajar.

Peranan kurikulum sebagai program pendidikan perlu direncanakan secara sistematik agar matlamat dalam merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan menjadi kenyataan. Persekitaran yang ada di sekolah mampu mempengaruhi dan membina kemenjadian murid dengan nilai yang positif seiring dengan peranan pendidikan.

Selain itu, dari sudut bahan pengajaran, ini adalah cabaran dalam dalam pelaksanaan kurikulum hadis di sekolah menengah harian pengajaran dan pembelajaran hadis ialah kelemahan sistem pembelajaran yang hanya menggunakan buku teks sebagai rujukan dan kekurangan buku teks yang khusus untuk pengajian hadis di peringkat sekolah. Kajian yang telah dilaksanakan oleh Suhaimi (2006) 55% daripada kalangan pelajar hanya berpandukan kepada buku teks sahaja bagi mendalami ilmu hadis ini merupakan kelemahan para pelajar di samping mengambil mudah dalam mendalami ilmu hadis. Kajian ini dipersetujui Rorsuedee Salaeh (2007) guru-guru tidak menggunakan buku-buku klasik (turath) sebagai panduan dan 75% menyatakan mereka tidak bersetuju bahawa buku teks yang sedia ada mencukupi untuk pengajian hadis bahkan mereka menyarankan untuk menyediakan buku teks khusus untuk pengajian hadis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Permasalahan timbul semasa proses pembelajaran matapelajaran di Sekolah Agama Harian (Kementerian Pendidikan) dan Sekolah Agama Menengah Kerajaan Negeri Selangor ialah pihak pentadbiran sekolah tidak menyediakan bahan-bahan bantu mengajar (BBM) secukupnya disamping kurangnya bimbingan yang sewajarnya kepada guru-guru. Hafifah (2000)

Oleh yang demikian, berdasarkan kepada kajian-kajian dan hasil dapatan yang telah dipaparkan menunjukkan kita bahawa pelaksanaan kurikulum hadis dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dalam aspek kurikulum, peruntukan masa, kaedah pengajaran guru dan bahan pengajaran mempunyai kelemahan-kelemahan yang perlu kepada penambahbaikan. Walaubagaimanapun, kajian ini hanya menumpukan kepada kelemahan-kelemahan yang terdapat di dalam bidang hadis sahaja. Justeru itu, penyelidik merasakan perlunya kajian dilakukan terhadap pelaksanaan kurikulum hadis dalam mata pelajaran Pendidikan Islam untuk mengoptimumkan objektif yang ditetapkan. Kajian berkaitan pelaksanaan kurikulum hadis dalam mata pelajaran Pendidikan Islam ini adalah untuk memberi maklumat tentang pelaksanaannya, mengenalpasti masalah dan memberi cadangan bagi memurnikan permasalahan yang timbul.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## 1.4 Objektif Kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran hadis yang telah dilaksanakan di sekolah-sekolah menengah harian di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Kajian ini dapat memberi situasi sebenar terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran hadis dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah serta mengenalpasti kekuatan dan kelemahan pelaksanaan tersebut.

Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif-objektif seperti berikut;

1.4.1 Mengenal pasti pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran hadis dalam Pendidikan Islam di sekolah menengah harian di negeri Perak.

1.4.2 Menganalisis kaedah pengajaran guru dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran hadis dalam Pendidikan Islam di sekolah menengah harian di negeri Perak.

1.4.3 Menganalisis tahap pencapaian pelajar dalam pembelajaran hadis.

1.4.4 Mengkaji perbezaan kaedah pengajaran hadis dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah harian di negeri Perak berdasarkan jantina, kelulusan akademik, lokasi dan pengalaman mengajar.

1.4.5 Meneroka hubungan antara kaedah pengajaran guru dengan pencapaian pelajar dalam bidang hadis bagi mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah harian di negeri Perak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 1.5 Persoalan Kajian

Bagi mencapai tujuan kajian yang dinyatakan, soalan kajian ini dirangka untuk menjawab objektif kajian sebagaimana berikut;

1.5.1 Bagaimana pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran hadis dalam Pendidikan Islam di sekolah menengah harian di negeri Perak?

1.5.2 Apakah kaedah pengajaran guru dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran hadis dalam Pendidikan Islam di sekolah menengah harian di negeri Perak?

1.5.3 Apakah tahap pencapaian pelajar dalam pembelajaran hadis?

1.5.4 Adakah terdapat perbezaan kaedah pengajaran hadis dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah harian di negeri Perak berdasarkan jantina, lokasi, pengalaman mengajar dan kelulusan akademik?

1.5.5 Adakah terdapat hubungan antara kaedah pengajaran guru dengan pencapaian pelajar dalam bidang hadis bagi mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah harian di negeri Perak?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## 1.6 Hipotesis Kajian

Bagi soalan kajian pertama hingga tiga, data yang diperoleh akan dianalisis dan dihuraikan secara deskriptif dengan menggunakan min skor dan sisihan piawai. Manakala persoalan kajian empat dan lima pula akan dihuraikan secara inferens.

Hipotesis nol bagi persoalan kajian empat (1.5.4) adalah seperti berikut;

$Ho_1$ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kaedah pengajaran guru dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran hadis dalam Pendidikan Islam di sekolah menengah harian di negeri Perak berdasarkan jantina.

$Ho_2$ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kaedah pengajaran guru dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran hadis dalam Pendidikan Islam di sekolah menengah harian di negeri Perak berdasarkan lokasi.

$Ho_3$ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kaedah pengajaran guru dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran hadis dalam Pendidikan Islam di sekolah menengah harian di negeri Perak berdasarkan pengalaman mengajar.

$Ho_4$ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kaedah pengajaran guru dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran hadis dalam Pendidikan Islam di sekolah menengah harian di negeri Perak berdasarkan kelulusan akademik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Hipotesis nol bagi persoalan kajian lima (1.5.5) adalah seperti berikut;

$Ho_5$ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kaedah *kitabah* dengan pencapaian murid pada bidang hadis dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah harian di negeri Perak.

$Ho_6$ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kaedah *qiraah* dengan pencapaian murid pada bidang hadis dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah harian di negeri Perak.

$Ho_7$ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kaedah *sama'* dengan pencapaian murid pada bidang hadis dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah harian di negeri Perak.

$Ho_8$ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kaedah perbincangan dengan pencapaian murid pada bidang hadis dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah harian di negeri Perak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.7 Kerangka Teori Kajian

Kajian yang dijalankan ini untuk mengenal pasti pelaksanaan kurikulum hadis dalam mata pelajaran Pendidikan Islam sekolah-sekolah menengah di negeri Perak. Kajian ini merujuk kepada teori Muhammad bin Ismail beliau lebih dikenali sebagai Imam Bukhari (2000)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Imam Bukhari (1997) dalam bukunya "Muqaddimah Sohih al Bukhari" telah memfokuskan kepentingan kandungan hadis yang terdapat di dalam kitab agungnya beliau menulis kitabnya dengan pemilihan dari hadis yang sahih secara selektif dengan disiplin yang ketat. Imam al-Bukhari terkenal dengan dengan *manhaj ikhtisar* (memendekkan teks) iaitu beliau tidak mendatangkan matan hadis dengan penuh. Beliau akan memilih hadis yang bersesuaian dengan bab-bab yang terdapat dalam sahihnya, Masyhur Hasan Mahmud Salman (2011).

Abdussatar Asy-Syeikh (2011) Imam Bukhari sendiri mengatakan bahawa beliau tidak akan menulis hadis di dalam karyanya itu melainkan beliau akan membersihkan diri (mandi atau berwuduk) terlebih dahulu dan solat dua rakaat. Solatnya ini merupakan solat istikharah memohon pertolongan kepada Allah SWT agar menerima amalannya serta memberkatinya. Ianya juga dilakukankan oleh Imam An-Nawawi sebelum menulis Majmu' Syarah al-Muhadzzab.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu juga Imam al-Bukhari menitikberatkan kaedah *kitabah* yang mana beliau terkenal dengan *manhaj ikhtisar* (memendekkan teks) iaitu beliau tidak mendatangkan matan hadis dengan penuh. Seringkali Imam Bukhari mengemukakan satu-satu perkataan sahaja daripada beberapa ayat al-Quran disamping tafsiran apabila ada pertaliannya dengan sesuatu bab yang dikemukakan, tujuannya adalah untuk mengemukakan seberapa banyak ayat al-Quran dengan ringkas serta keterangan dalam konteks bab yang dikemukakan. Beliau juga akan memilih hadis yang bersesuaian dengan bab yang terdapat dalam sahihnya. Setelah beliau menulis akan disemak oleh ulamak besar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



hadis di zamannya untuk menilai karyanya. Beliau juga menulis mengikut kesesuaian dan ada kesinambungan di antara satu kitab dengan kitab yang lain dari awal hingga akhirnya.

Menurut Abdussatar Asy-Syeikh, (2011) Imam al-Bukhari mula mendengar dan mempelajari ilmu hadis sekitar tahun 205H setelah memanfaatkan ilmu daripada ulama di tanah kelahirannya. Beliau memulakan kembara ilmu pada tahun 210H. Beliau sangat berhati-hati dalam mendengar dan seorang yang sangat cerdik. Ini terbukti ketika beliau menegur seorang guru yang ahli hadis ketika menyampaikan pengajian guru tersebut: al-Allanah al-Dakhili kerana beliau tersalah meriwayatkan sanad hadis. Menurut al-Sakhawi, (1999) Ibn Hajar al-Asqalani pula pernah membaca Sahih al-bukhari dalam sepuluh sesi majlis dengan tempoh masa setiap majlis selama lebih kurang empat jam. Majoriti ulama' memperakui *al-sama'* sebagai metode talaqqi hadis yang paling tinggi (ibn al-Salah 1986). Ini adalah kerana dalam konteks perawi thiqah (adil dan tepat riwayat) ia dapat memberi signifikasi penerimaan hadis daripada guru secara langsung yang tanpa ragu menunjukkan sambungan sanad dan perawi dengan sumbernya (Muhammad 2007).

Manakala kaedah *qiraah* merupakan proses yang hampir sama dengan al-sama' iaitu membaca dan mendengar hadis. Perbezaannya hanya tugasan pembacaan hadis dalam kaeda qiraah merupakan peranan murid manakala guru mendengar dan menyemak bacaan tersebut. Situasai ini mirip seperti memperdengarkan dan membentangkan bacaan. Justeru *al-qiraah* juga disebut *'ard al-qiraah* (ibn al-Salah 1986). Lazimnya kaedah *al-qiraah* dan al-sama' kebanyakan keadaan juga diaplikasikan secara kombinasi. Pembacaan hadis oleh murid adakalanya diselang seli dengan bacaan oleh guru (al-Fullani 1984). Terdapat hadis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



daripada Rasullullah SAW dalam mempraktikkan kaedah *al-sama'* dan *al-qiraah.* Rasullullah SAW memuliakan mereka yang terlibat dalam aktiviti meriwayatkan hadis menerusi aplikasi *al-sama'* dan *al-qiraah.*

Ada ketika Imam al-Bukhari mengemukakan pendapat atau ijtihad seseorang sahabat atau tabiin di dalam sesuatu tajuk yang dibincangkan beliau akan memilih dan *mentarjih* pendapat sahabat atau tabiin tersebut. Ini membuktikan bahawa pendapat dan *ijtihad* Imam al-Bukhari sama seperti pendapat dan *ijtihad* sahabat atau tabiin tersebut. Kerangka Teori Imam Bukhari tentang pengajaran dan pembelajaran hadis ditunjukkan dalam Rajah 1.1.




*Rajah 1.1.* Kerangka Teori Imam Bukhari tentang Pengajaran dan Pembelajaran Hadis. (Adaptasi daripada Fathul Bari Syarah Sahih al-Bukhari Cetakan 1997)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 1.8 Kerangka Konsep Kajian

Kerangka konsep kajian ini akan memberi gambaran secara keseluruhan tentang pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran hadis dalam mata Pendidikan Islam di sekolah menengah negeri Perak. Secara prinsipnya kerangka konsep kajian bermula dengan Kurikulum Pendidikan Islam khusunya bidang hadis.

Kajian yang dijalankan ini merupakan kajian untuk melihat pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran hadis dalam Pendidikan Islam yang menjadi fokus kajian ini. Ianya merujuk kepada teori pengajaran dan pembelajaran yang telah diperkenalkan oleh Imam Ahmad. (1997). Kerangka kajian ini juga melihat tentang pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran hadis iaitu berkaitan dengan kandungan kurikulum hadis, peruntukan masa dan bahan bantu mengajar.

Manakala di dalam proses pengajaran dan pembelajaran hadis Imam Ahmad (1997) telah menggunakan kaedah kitabah, qiraah, sama' dan perbincangan. Pemilihan dan pelaksanaan pendekatan kaedah pengajaran adalah faktor utama dalam mewujudkan keberkesanan proses penyampaian ilmu kepada pelajar. Guru perlu menyesuaikan pendekatan strategi, kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran supaya objektif dan matlamat pengajaran dapat dicapai Wan Zah Wan Ali, (2000). Selain itu, adalah untuk mengetahui perbezaan kaedah pengajaran guru berdasarkan pemboleh ubah tidak bersandarkan profil demografi jantina, kelayakan akademik dan pengalaman mengajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kerangka kajian ini dibina untuk melihat perhubungan antara pemboleh ubah bersandar terhadap kaedah pengajaran guru dengan pencapaian pelajar ini adalah untuk melihat sejauh mana pencapaian selari dengan kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru.

Secara ringkasnya, berdasarkan pelaksanaan kurikulum hadis di sekolah menengah di negeri Perak dan pendapat al-Bukhari mengenai pengajaran dan pembelajaran hadis, maka kajian ini memfokuskan pelaksanaan kurikulum hadis dan kaedah pengajaran guru di tunjukkan dalam Rajah 1.2.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi





*Rajah 1.2.* Kerangka Konsep Kajian Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Hadis dalam Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Negeri Perak (Adaptasi daripada Kerangka Teori Fathul Bari Syarah Sahih al-Bukhari Cetakan 1997)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini amat penting untuk diamati dalam melihat bagaimana pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran hadis dalam Pendidikan Islam di sekolah menengah yang menggunakan kurikulum yang sama sejak beberapa tahun yang lalu khusus kepada penggubal kurikulum diperingkat kementerian. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran hadis dinilai dalam aspek kandungan kurikulum dengan memfokuskan kepada keperluan pendidikan hadis, peruntukan masa dan bahan bantu mengajar. Hasil dapatan kajian ini akan menunjukkan bahawa Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Hadis dalam Pendidikan Islam Di Sekolah Menengah relevan dan bertepatan dengan matlamat dan objektif kurikulum hadis serta keperluan pendidikan hadis yang sebenar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini akan menilai pelaksanaan iaitu sukatan, peruntukan masa, bahan bantu mengajar dan kaedah pengajaran guru dalam melaksana kurikulum hadis dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah di negeri Perak.

Kepentingan hasil dapatan kajian ini juga adalah untuk mengenalpasti keberkesanan, kekuatan dan kekurangan yang berlaku dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran hadis di sekolah menengah sama ada pada kandungan sukatan, peruntukan masa, bahan bantu mengajar, kaedah pengajaran guru dan pencapaian pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Mengenalpasti kekuatan pengajaran dan pembelajaran yang telah dilaksanakan amat penting kerana kita akan mengetahui kekuatan sebenar yang berlaku kepada sukatan hadis dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah tersebut supaya kekuatan ini dapat dimaksimumkan agar objektif dan matlamat tercapai dengan lebih cemerlang. Manakala kekurangan yang dikenalpasti memerlukan penambahbaikan dan pemulihan dengan segera agar objektif dan matlamat kurikulum dapat disempurnakan.

Begitu juga dengan guru, dapatan kajian ini menjadikan panduan penting kepada mereka dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran. Guru-guru dapat mengenal pasti kesesuaian kaedah yang digunakan. Jika terdapat kelemahan yang dikenal pasti maka guru-guru dapat memperbaiki kaedah pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Hal ini disebabkan pengajaran dan pembelajaran hadis bukan sahaja dituntut untuk sekadar belajar tetapi amat perlu dijadikan panduan dan diamalkan dalam kehidupan seharian sebagai umat Islam yang bertanggungjawab.

## 1.10 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada menilai pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran hadis dalam Pendidikan Islam di Sekolah Menengah di Negeri Perak. Fokus kajian tidak melibatkan bidang ulum, al-Quran dan sebagainya. Ini bukan bererti penyelidik tidak mengambil berat pengajian yang lain tetapi penyelidik memfokuskan kajian ini hanya kepada pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran hadis sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kajian ini hanya melibatkan guru-guru Pendidikan Islam dan pelajar-pelajar tingkatan empat di Sekolah Menengah di bawah pentadbiran Kementerian Pelajaran Malaysia sahaja.

## 1.11 Definisi Operasional Kajian

Istilah utama yang digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini adalah berasaskan kepada definisi operasional seperti berikut;

### 1.11.1 Pelaksanaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pelaksanaan adalah suatu tindakan atau pelaksanaan dari sebuah rencana yang sudah disusun secara matang dan terperinci, implementasi biasanya dilakukan setelah perencanaan sudah dianggap siap. Secara sederhana pelaksanaan boleh diertikan penerapan. Majone dan Wildavsky mengemukakan pelaksanaan sebagai evaluasi. Browne dan Wildavski mengemukakan bahawa "Pelaksanaan" adalah perluasan aktiviti yang saling menyesuaikan (Nurdin Usman, 2002).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 1.11.2 Pengajaran dan Pembelajaran

Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) dalam *Mu'jam Mustalahat al-Tarbiyyah wa al-Ta'lim* oleh Gerger (2005) merupakan dua terma yang berbeza, pengajaran bermaksud sebagai *ta'lim* atau teaching yang diiktibarkan sebagai wahana penyampaian kemanusiaan dan wahana pendidikan, iaitu menyalurkan maklumat dan pengetahuan daripada guru kepada pelajar. Manakala pembelajaran pula menurut Gergers (2005) merujuk bagaimana pelajar boleh belajar menguasai sifat, kemahiran dan ilmu pengetahuan yang memberikan manfaat kepada diri mereka. Menurut Yaakub Isa (1996) Pengajaran dan Pembelajaran juga sebagai satu proses menerap dan menitiskan ilmu dan kemahiran yang mengakibatkan wujudnya interaksi antara guru (yang mengajar) dan pelajar (yang mengalami pembelajaran).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.11.3 Hadis

Hadis secara bahasa mempunyai erti, baharu Mawrid (1997). Al-Hadith dari segi bahasa bermaksud baharu adalah lawan bagi yang lama Syed Abdul Majid Al-Ghouri (2011). *Al-Hadith* menurut istilah ialah sesuatu yang disandarkan kepada nabi Muhammad SAW samada perkataan, perbuatan atau *taqrir (*pengakuan), sifat fizikal, akhlak atau sirah atau sesuatu yang disandarkan kepada sahabat atau *tabiin*. Nur al-Din (1424). Dengan demikian, yang membawa maksud hadis disini seolah-olah dimaksudkan untuk membezakan dengan al-Quran yang bersifat *qadim.* Shubhi al-Salih (1973), kata hadis merupakan bentuk *isim* dari tahdis yang mengandungi erti: memberitahu, menggambarkan. Berdasarkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



pengertian inilah selanjutnya Menurut Dr. Mustafa al-Siba'i Segala sesuatu yang bersumber daripada Rasulullah sama ada perkataan, perbuatan, ketetapan, ciri-ciri tubuh badan, akhlak dan tingkah laku atau perjalanan hidup (sirah) beliau sama ada sebelum atau sesudah beliau diangkat menjadi Rasul. Hadis merupakan penguat dan penyokong kepada apa yang terkandung di dalam al-Quran, penghurai dan pentafsir apa yang umum didalam al-Quran merangkumi segala aspek.

Firman Allah SWT dalam surah al-Hasyr ayat 7

وَمَآ ءَاتَىٰكُمُ ٱلرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَىٰكُمۡ عَنۡهُ فَٱنتَهُواْۚ وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَۖ إِنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلۡعِقَابِ

Maksudnya: Apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah kepada kamu, maka terimalah serta amalkanlah dan apa jua yang dilarangnya maka kamu patuhilah larangan.

(Abdullah Basmeh, 2001)

### 1.11.4 Pendidikan Islam

Para sarjana Islam telah mengemukakan berbagai-bagai definisi berhubung dengan pengertian Pendidikan Islam. Walaupun terdapat perbezaan dari segi definisinya, tetapi ia membawa maksud yang sama kerana daripada pengertian Pendidikan Islam itu sendiri membawa erti tunduk kepada tuntutan akidah, syariat dan akhlak Islam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Dalam bahasa arab pengertian pendidikan sering digunakan pada beberapa istilah, antaranya "ta'lim", tarbiyah dan ta'dib. Namun demikian ketiga kata tersebut memiliki makna tersendiri dalam menunjuk atau menerangkan pengertian pendidikan (Dr. Samsul Nizar, M.A:2001).

Menurut Al-Attas, Hassan Langgulung dan Burlian Somad maksud pendidikan itu ialah perubahan dalaman dan perubahan tingkah laku (Mohd Yusuf Ahmad, 2004). Apabila disebut Pendidikan Islam ia menjadi lebih khusus dan bermaksud pendidikan yang berteraskan syariat Islam yang berpandukan Al-Quran dan Al-Hadis, dan perubahan yang dikehendaki pula ialah perubahan rohani, akhlak dan tingkah laku menurut islam.

Menurut Miqdad Yalchin (1977) mendefinisikan Pendidikan Islam sebagai proses melaksanakan falsafah Pendidikan Islam dan merealisasikan hasilnya dalam bidang pembinaan, pembentukan dan pemasyarakatan seseorang selaras dengan keperibadian yang digariskan oleh falsafah Islam, supaya sahsiah Islamiah dapat terbentuk dalam setiap tindak tanduk, tingkah laku dan sikap seseorang muslim, walau bila dan di mana sahaja dia berada.

Al-Qardhawi (1982) mendefinisikan Pendidikan Islam sebagai pendidikan bagi keseluruhan hidup termasuk akal bagai pendidikan bagi keseluruhan hidup termasuk akal dan hati, rohani, jasmani, akhlak dan tingkah laku kerana tujuannya ialah untuk menyediakan manusia bagi menghadapi hidup baik dalam keadaan senang atau susah,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dalam keadaan damai atau perang, di samping menyediakan mereka untuk menghadapi masyarakat yang sering menghadapi kebaikan dan kejahatannya, kemanisan dan kepahitan.

Ahmad D Marimba (1989): mengemukakan bahawa Pendidikan Islam adalah bimbingan atau pemimpin secara sedar oleh pendidik terhadap perkembangan jasmani dan rohani pelajar terbentuknya keperibadian yang utama (insan kamil).

Manakala menurut Mohd Kamal Hasan, Pendidikan Islam menyatukan semua ilmu pengetahuan di bawah authoriti dan pengendalian Al-Quran dan Sunnah yang merupakan teras dalam sistem pendidikan dan kebudayaan Islam seluruhnya. Menurut beliau lagi Pendidikan Islam itu boleh dibahagi dua, iaitu formal dan informal (Mohd Yusof Ahmad, 2004)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan kepada definisi Pendidikan Islam yang dikemukakan oleh sarjana Islam dapatlah dibuat kesimpulan bahawa Pendidikan Islam adalah satu usaha untuk mengembangkan fitrah manusia sesuai dengan ajaran agama Islam berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah yang akhirnya akan mewujudkan satu masyarakat yang bertamadun tinggi, penuh rahmat serta mendapat keredhaan Allah. Ianya bukanlah merupakanpendidikan yang dibina berdasarkan pemikiran dan kenyataan-kenyataan yang berlaku disekeliling manusia semata-mata. Malah ia adalah pendidikan yang mengembalikan manusia kepada penciptanya, bertujuan untuk kebahagiaan manusia di dunia dan di akhirat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## 1.12 Rumusan

Pendidikan hadis memerlukan kepada suatu sukatan yang menyeluruh dan bersepadu yang menjadi asas kepada kejayaannya. Pelaksanaan terhadap pengajaran dan pembelajaran hadis merupakan salah satu komponen yang penting di dalam kurikulum demi memastikan perjalanannya memenuhi keperluan matlamat dan objektifnya. Kejayaan sesuatu kurikulum bergantung kepada sejauh mana keberkesanan pelaksanaannya. Pelaksanaan yang baik akan menghasilkan kecemerlangan di dalam sesebuah sistem pendidikan sekaligus memberi impak yang besar terhadap pembangunan masyarakat dan Negara. Pelaksanaan yang tidak sempurna akan turut mengundang kegagalan didalam sistem pendidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh yang demikian bab ini telah menjelaskan beberapa perkara asas yang merangkumi latar belakang kajian pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran hadis dalam Pendidikan Islam di sekolah menengah perlu dijalankan berdasarkan situasi yang telah dinyatakan di dalam pernyataan masalah kajian ini. Seterusnya penyelidik merangka kerangka konsep kajian yang digunakan di dalam kajian ini. Kepentingan kajian, batasan kajian serta definisi-definisi istilah yang digunakan turut dibincangkan dalam bab ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Penyelidikan ini perlu dibuat bagi memperkasakan pengajaran guru yang sedia ada dan memperkemaskan lagi kemahiran setiap guru. Ini kerana Kurikulum merupakan asas kepada sistem pendidikan. Kejayaan pelaksanaan sesuatu pengajaran dan pembelajaran mencorakkan bentuk masyarakat di masa hadapan. Ia jugalah yang menentukan jatuh bangunnya sesebuah bangsa dan negara. Oleh kerana itu, ia perlu diteliti, difahami dan diterjemahkan dengan sebenar-benarnya agar segala matlamat yang ingin digariskan akan dapat dicapai bagi membentuk modal insan yang cemerlang di dunia dan akhirat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi